

LAMPIRAN V.1

PINDAAN FEE PERMOHONAN PELANJUTAN KEBENARAN MERANCANG DAN FEE BAGI KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN

- 1.0 Bayaran fee permajuan bagi kedua-dua permohonan ini sebelum ini adalah berdasarkan Warta Kerajaan Negeri, Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990.
- 2.0. Namun kadar fee yang digunakan dalam Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990 adalah tidak sesuai lagi dan pindaan kadar ini bertujuan untuk :
- i. Memastikan kehendak-kehendak jabatan teknikal yang diluluskan di peringkat permohonan merancang masih relevan. Sekiranya perlanjutan diberikan terlalu lama sehingga 5 tahun atau lebih dikhuatiri kehendak dari jabatan-jabatan teknikal tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.
 - ii. Mengenakan nilai fee yang dirasakan lebih sesuai berbanding dengan nilai yang digunakan pada 1990 hampir 35 tahun yang lalu.
 - iii. Bagi kerja-kerja yang dijalankan tanpa kebenaran adalah untuk mengelakkan pemilik-pemilik bangunan daripada menjalankan kerja-kerja pembinaan terlebih dahulu tanpa mendapatkan kelulusan dari Majlis. Keadaan ini berlaku disebabkan denda 10 kali ganda ke atas yuran pelan yang agak rendah dan sangat mampu untuk dibayar oleh pemilik bangunan.
- 3.0 Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.1/2025 pada 21 Januari 2025 telah bersetuju meluluskan Pindaan Fee Permohonan Pelanjutan Kebenaran Merancang Dan Fee Bagi Kerja-Kerja Telah Dijalankan Tanpa Kebenaran dan digunapakai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 21 Januari 2025.

Kadar fee baru yang diluluskan oleh Jawatankuasa adalah seperti berikut :

I. FEE BAGI PERMOHONAN PERLANJUTAN KEBENARAN MERANCANG

BIL	TEMPOH PERLANJUTAN	KADAR FEE (4 unit rumah dan ke bawah)	KADAR FEE (Lebih dari 4 unit rumah dan lain-lain pemajuan)	PERKARA TAMBAHAN
1.	Perlanjutan Pertama (ext 1)	RM1000 bagi setiap permohonan atau 10% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	RM1000 bagi setiap permohonan atau 10% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	-
2.	Perlanjutan Kedua	RM1000 bagi setiap permohonan atau	RM3000 bagi setiap permohonan atau	-

LAMPIRAN V.1

	(ext 2)	10% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	20% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	
3.	Rayuan Perlanjutan Ketiga (ext 3)	RM1000 bagi setiap permohonan atau 10% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	RM10,000 bagi setiap permohonan atau 30% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	Perlu rujuk semula ke jabatan teknikal.
4.	Rayuan Perlanjutan Keempat (ext 4)	RM1000 bagi setiap permohonan atau 10% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	RM10,000 bagi setiap permohonan atau 40% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	-
5.	Rayuan Perlanjutan Kelima (ext 5)	RM1000 bagi setiap permohonan atau 10% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	RM30,000 bagi setiap permohonan atau 50% mana yang lebih tinggi dari jumlah fee PM asal.	Jika perlu akan dirujuk semula ke jabatan teknikal

- Perlanjutan kebenaran merancang dibenarkan sehingga maksima 5 kali sahaja.
- Untuk perlanjutan ketiga perlu dirujuk semula ke jabatan-jabatan teknikal berkaitan kerana tempoh ulasan teknikal adalah selama 2 tahun sahaja dan perlanjutan kelima akan dirujuk semula ke jabatan-jabatan teknikal berkaitan sekiranya diperlukan.
- Sebarang percanggahan perlu dirujuk ke Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan.

II. FEE BAGI KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN TANPA KEBENARAN

KADAR FEE CADANGAN
1. Bagi kediaman 1 unit, akan dikenakan denda 10 kali ganda ke atas jumlah yuran pelan yang perlu dibayar atau minima RM2,000, atau mana-mana yang lebih tinggi. 2. Bagi unit kediaman lebih dari 1unit dan juga lain-lain cadangan pemajuan, akan dikenakan denda 10 kali ganda ke atas jumlah yuran pelan yang perlu dibayar atau minima RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi.

LAMPIRAN V.1

4.0 TARIKH PERLAKSANAAN

- 4.1 Tarikh pelaksanaan kadar fee baru bagi permohonan pelanjutan kebenaran merancang dan permohonan bagi kerja-kerja telah dijalankan tanpa kebenaran ini adalah pada tarikh 21 Januari 2025 mengikut tarikh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.1/2025.